



SIARAN MEDIA

MERAIKAN SEMANGAT KEBERSIHAN DAN PERPADUAN: KPKT RAIKAN DEEPAVALI PENUH KEHARMONIAN

PUTRAJAYA, 14 Oktober 2025 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meraikan **Sambutan Hari Deepavali Peringkat Kementerian** dalam suasana meriah di Lobi Utama KPKT, Putrajaya, hari ini. Majlis sambutan ini telah disempurnakan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM).

Acara tahunan ini bukan sekadar perayaan, tetapi manifestasi jelas **semangat perpaduan, keharmonian dan kepelbagaian budaya yang menjadi tunjang masyarakat Malaysia**. Ia bertujuan memperkukuhkan hubungan antara kaum serta memupuk rasa saling menghormati dalam kalangan warga kerja KPKT, sekali gus mengukuhkan semangat kekeluargaan kementerian.

Sempena majlis tersebut, YB KM turut berkongsi kejayaan program **Hari Cuci Malaysia (HCM) 2025** yang melakar sejarah dengan mencatat dua (2) rekod baharu dalam **Malaysia Book of Records (MBOR)**. Pencapaian ini menambah koleksi kepada lima (5) rekod MBOR keseluruhan yang dicapai dalam tempoh dua tahun.

Dua rekod baharu HCM 2025 adalah:

1. **Penyertaan Serentak Terbesar dalam Program Pembersihan ‘Gotong-Royong’** (***Largest Simultaneous Participation in a ‘Gotong-Royong’ Cleanup Program***): Seramai **100,817 peserta** di seluruh negara menyertai program, mengatasi rekod tahun 2024 (58,007 peserta).
2. **Pengumpulan Minyak Masak Kitar Semula Terbesar dalam Sehari** (***Largest Recyclable Cooking Oil Collected in a Day***): Berjaya mengumpulkan **27,679.31 kilogram** minyak masak terpakai, bernilai **RM79,684.56** dari 10 buah negeri termasuk Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Selangor, Terengganu dan Kuala Lumpur.

Secara keseluruhan, operasi gotong-royong di seluruh negara itu merekodkan kutipan sisa pepejal sebanyak **6,462 tan metrik**, melibatkan pelbagai jenis sisa seperti plastik, kayu, kebun, tekstil dan kertas.

Dalam ucapannya, YB KM menegaskan “Rekod ini bukan sekadar angka, tetapi **simbol perpaduan dan tanggungjawab bersama** rakyat Malaysia untuk memastikan negara kekal bersih dan lestari. Ia membuktikan bahawa budaya kebersihan telah semakin sehati dalam masyarakat”.

Beliau turut merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat termasuk jabatan, agensi, pihak berkuasa tempatan serta sukarelawan atas kejayaan HCM 2025.

Majlis Deepavali ini turut diserikan dengan kehadiran Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu; Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M. Noor Azman bin Taib, Ketua Pegawai Operasi, Malaysia Book of Records (MBOR), En. Jwan Heah; barisan pengurusan tertinggi, serta seluruh warga KPKT.

Sambutan ini menjadi platform penting untuk warga KPKT berinteraksi dan mengeratkan hubungan kekeluargaan sesama rakan kerja dalam suasana harmoni dan penuh kemesraan.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RencanakanMADANI
#MADANIBekerja

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 / Faks : 03-8891 5557 / E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

